

info kampus



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

/No. 10, Jalan Universiti, 93000 Kuching, Sarawak, Tel: (082-672115) Faks: (082-672115) e-mail: ummsarawak@ummsarawak.utmsarawak.edu.my

Isu 40 - Jun 2004

15hb Julai 2004



Academic Conference UiTM Sarawak, 2004



Hari Q-Penyelenggaraan



inside !



Mesej Pengarah Kampus

Academic Conference UiTM Sarawak

Kursus Tahap Kecekapan

Hari Q-Penyelenggaraan

ABCs of Life Resuscitation

Fakulti Sains Sukan Dan Rekreasi

Annie Wong in Johannesburg

Lembaran Baru

Ke Arah Universiti Bertaraf Dunia

Kegiatan Pelajar Fakulti Sains Sukan Dan Rekreasi Sem 2 - 03/04

Disunting oleh : Azlina Ghazali



Pada semester yang baru lalu sebanyak 2 aktiviti utama telah dilaporkan oleh FSR untuk dimuatkan di dalam Info Kampus terbitan kali ini.

Aktiviti 1 - Laporan oleh : Nor Zarita Bt Mat Saleh

Salah satu aktiviti yang merupakan keperluan kursus bagi subjek Sport Theory and Practical (SPE 201) ialah Kejohanan Bola Jaring Tertutup yang juga bertujuan untuk memperke-

nalkan permainan bola jaring kepada pelajar lelaki. Pada keseluruhannya sebanyak 8 kumpulan telah menyertai kejohanan tersebut yang masing-masing terdiri daripada 5 pasukan lelaki dan 3 pasukan wanita.

Dalam kejohanan tersebut, bagi kategori wanita, johan telah disandang oleh Power Puff Girls manakala naib johan dirangkul oleh kumpulan LMT. Tempat ketiga pula disandang oleh kumpulan SG 1.

Bagi kategori lelaki, johan disandang oleh kumpulan Tetatai, naib johan kumpulan LMKPL dan tempat ketiga Bubuh Jak.

Kejohanan tersebut juga menyaksikan Sdr Nik Rozaimi muncul sebagai penjaring terbanyak dengan 28 jaringan bagi kategori lelaki manakala bagi kategori wanita Sdri Norhayati Sapalie telah berjaya membuat jaringan terbanyak iaitu 16 jaringan.

Sdr Azirul Hasan telah dinobatkan sebagai pemain lelaki terbaik keseluruhan dan Sdri Christina ak Janggui diisytiharkan sebagai pemain terbaik wanita dalam kejohanan tersebut.

Aktiviti 2 - Laporan oleh : Pia Evonnera Griffin

Seramai 13 orang pelajar dan 2 orang pensyarah FSR telah mengadakan program Kajian Pelancongan Sukan bertempat di Batang Ai Sri Aman

pada 5 hingga 7 Februari 2004 yang lalu. Antara objektif dan matlamat lawatan adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran secara langsung berhubung aktiviti sukan yang dikendalikan oleh Batang Ai Resort dalam usaha mereka untuk menarik pelancong ke sana.

Beberapa jenis aktiviti berkaitan telah dilaksanakan dengan jayanya. Ini termasuk Nature Walk, Dawn Walk dan sesi menemu ramah kakitangan resort berkenaan bagi mendapatkan maklumat berhubung penyelidikan yang dilaksanakan.

Di samping itu, pertemuan dengan pengurus kanan resort tersebut juga telah diatur dan ianya telah berlangsung dengan jayanya. Segala persoalan yang diketengahkan didalam dialog tersebut telah membolehkan pelajar mendapat maklumat dan jawapan yang diperlukan bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan.



Operasi khidmat Masyarakat di Mukah

Azlina Ghazali

UiTMCS telah mengadakan operasi khidmat masyarakat di Kampung Tellian dan Rumah Banieng Mukah pada 7hb. Jun hingga 12hb. Jun. 2004. Sepanjang program ini, para pelajar UiTM yang seramai 79 orang telah di tempatkan di rumah-rumah keluarga angkat di kampung Tellian Laut, Tellian Tengah, Tellian Ulu dan rumah panjang Banieng. Di antara aktiviti-aktiviti

yang dijalankan bersama keluarga angkat adalah seperti gotong royong, sukaneka, malam kebudayaan, taklimat kemasukan ke UiTM, ceramah bimbingan anak-anak cemerlang, program pembelajaran bersama dan mengikut keluarga angkat berkebun, bertani serta turun ke laut. Majlis perasmian telah dilakukan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Sarudu Hoklai, Residen Mukah sementara majlis penutupan dijalankan oleh ADUN Bahagian Dalat.

Di antara pandangan pelajar-pelajar yang telah mengikuti OPKIM

"Program pembelajaran bersama pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah telah memberikan satu kepuasan kepada saya kerana dapat berkongsi teknik-teknik pembelajaran berkesan dengan mereka."

DANNY MOKTI, EXCO TUGAS KHAS, MPP

"Saya dapat menimba pengalaman hidup bermasyarakat-walaupun berlainan bangsa, agama dan budaya, persefahaman dan ikatan ukwah jelas kelihatan dalam setiap aktiviti yang dijalankan." JOSEPHINE TENING, DPIM

"Satu pengalaman yang manis bagi saya bila dapat menangkap ketam di pantai pada waktu malam dan belajar menari ngajat." MAHADIR MOHAMED, B.B. A. MARKETING

"Saya tak akan dapat lupakan rasa memakan ulat mulong, linut, dan umai dan saat bermain tibau serta memancing udang." NUR AZIZI MURSIDI, BACC

"Saya telah dapat mengenali istiadat Mereng dan Ngiling Bidai serta gendang suku kaum Iban dengan lebih dekat lagi. Saya juga suka pergi ke kebun dan menangkap ikan di laut." RODY BUNSU, DPA


Minggu Mesra Siswa



Hari Aktiviti



American Students at UiTM Sarawak (next issue)



Prof. Jim Graham
(next issue)



Sidang Redaksi Penasihat

Prof Madya Dr. Abd Rahman Deen
Prof Madya Dr Fatimah Bujang

Penyelaras Penerbitan

Yuthandy Maniam
MB 62/Ext 528

Panel Editor

Tenning F. Seling (Ketua)
MB 79/Ext 469

Cindy Wee (Penolong Ketua)
MB 20/Ext 508

Sharifah Zakiah
MB 199/ Ext 344

Prabha Ramakrishnan
MB 147/Ext 525

Helen Pereira
MB /Ext

Azlina Ghazali
MB 171

Wakil Perpustakaan
Saptuyah Rosli
Ext 207

Wakil Pelajar
Nomiday Dajie
Rafidah Nawawi

Grafik dan Percetakan
Yuthandy Maniam

Bantuan Teknikal
Abdul Khalid Karim

Sirkulasi
Ahmad Lotfi Ariffin
Sabariah Mohd Apandi